



UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia. Tel: 604 - 928 4000



BEND20100721-KB1827

21 Julai 2010

Semua
Pengarah/ Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Utara Malaysia

Yang Berusaha Prof./Tuan/ Puan,

PEKELILING BENDAHARI BIL. 8/2010 PELAKSANAAN INTEGRITY PACT DALAM PEROLEHAN UNIVERSITI

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

Kementerian Kewangan telah mengeluarkan **Surat Peringatan Mengenai Kesalahan Rasuah Dalam Dokumen Perolehan Kerajaan** yang menghendaki semua Agensi Kerajaan memasukkan peringatan mengenai kesalahan rasuah dalam Arahan Kepada Petender/Penyebut Harga dan Klausa Pencegahan Rasuah Dalam Perolehan Kerajaan ke dalam teks perjanjian berkaitan kontrak perolehan Kerajaan.

Semua Agensi Kerajaan dikehendaki melaksanakan *Integrity Pact* dalam perolehan masing-masing berdasarkan **Garis Panduan Pelaksanaan Integrity Pact Dalam Perolehan Kerajaan** seperti Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 1 April 2010. Dilampirkan salinan SAP tersebut berserta Surat Peringatan Mengenai Kesalahan Rasuah Dalam Dokumen Perolehan Kerajaan.

Sehubungan dengan itu, semua PTJ dikehendaki untuk mengambil tindakan seperti berikut:

a. *Apabila Memanggil Sebutharga/ Tender*

Sila sertakan **SURAT AKUAN PEMBIDA (Lampiran 1)** di dalam borang sebutharga/ tender yang dikeluarkan/dijual kepada pembida untuk ditandatangani dan dikembalikan oleh pembida bersama-sama borang sebutharga/tender kepada UUM.

b. *Apabila Mengeluarkan Pesanan Belian (PO) / Surat Tawaran Setuju Terima Tender Kepada Pembida Yang Berjaya*

Sila sertakan **SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA (Lampiran 2)** bersama pesanan belian (PO) atau surat tawaran setuju terima tender untuk ditandatangani dan dikembalikan oleh pembida yang berjaya kepada UUM.

....2/-



MSC
MALAYSIA
Status Institution

Visit
Kedah
Heritage, Culture & Adventure

If any person offers or gives any gratification to any members of the public service, the latter shall at the earliest opportunity thereafter lodge a report at the nearest office of the Malaysian Anti-Corruption Commission or police station. Failure to do so is an offence under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (Act 694).

- (iii) Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

Without prejudice to any other actions, disciplinary action against a member of the public service and blacklisting of the contractor or supplier may be taken if the parties are involved with any act of corruption under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (Act 694).

- (iv) Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).


Any contractor or supplier who makes a claim for payment in relation to this procurement although no work was carried out or no goods were supplied or no services rendered in accordance with the specifications and any member of the public service who certifies the claim commits an offence under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (Act 694).

4. Arahan ini berkuat kuasa dari tarikh surat ini ditandatangani.
5. Klausula Pencegahan Rasuah Dalam Perolehan Kerajaan dalam perjanjian Kerajaan juga telah dipinda selaras dengan keputusan JKKMKPK melalui surat edaran bil. PN(ADV)188 Jld.5 bertarikh 24 Jun 2008 yang dikeluarkan oleh Jabatan Peguam Negara dan telah diguna pakai oleh semua agensi Kerajaan.
6. Sehubungan itu, Surat Arahan Perbendaharaan bil. S/K.KEW/PK/PP/1100/000000/10/31 Jld.26 SK.5(1) bertarikh 28 Januari 2009 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

c. *Apabila Menyediakan Dokumen Tender/Kontrak*

Sila pastikan terdapat klausa berkaitan pencegahan rasuah dalam perolehan kerajaan dicatit di dalam sesuatu dokumen tender/kontrak yang ditandatangani oleh Universiti Utara Malaysia dengan pembida yang berjaya.

d. Peraturan ini terpakai bagi perolehan yang bernilai melebihi RM20,000.00 ke atas.


Sukacita sekiranya maklumat ini dapat disampaikan kepada kakitangan di bawah pengawasan tuan/puan.

Arahan ini berkuat kuasa dari tarikh Pekeliling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

'ILMU BUDI BAKTI'

Saya yang menurut perintah,


(HJ AMRON BIN MAN)
Bendahari
Universiti Utara Malaysia

s.k. Naib Canselor

Semua Timbalan Naib Canselor

Edaran

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN INTEGRITY PACT DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

Tujuan

1. *Integrity Pact* dilaksanakan bertujuan untuk:
 - 1.1 mengelak petender/penyebut harga daripada menawar atau memberi rasuah;
 - 1.2 menghendaki petender/penyebut harga melaporkan sebarang kesalahan rasuah kepada Pihak Berkuasa; dan
 - 1.3 memastikan Kerajaan tidak menanggung "*unnecessary costs*" dalam pelaksanaan urusan perolehan.

Unsur-Unsur *Integrity Pact*

2. *Integrity Pact* dalam perolehan Kerajaan terdiri daripada unsur-unsur penting seperti berikut:
 - (a) petender/penyebut harga menerima **pelawaan rasmi** untuk **menyertai tender/sebut harga** bagi perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja;
 - (b) petender/penyebut harga membuat **akuan** bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana pihak untuk mendapatkan atau mengekalkan sesuatu kontrak berkaitan perolehan Kerajaan;
 - (c) petender/penyebut harga mewujudkan "***Code of Conduct***" bagi membanteras gejala rasuah dan perlakuan tidak beretika di kalangan kakitangan syarikat serta mengadakan **program pematuhan "*Code of Conduct*"** untuk semua kakitangan syarikat;
 - (d) petender/penyebut harga yang berjaya mestilah mematuhi **perjanjian kontrak** yang mengandungi Klausu Pencegahan Rasuah Dalam Perolehan Kerajaan seperti yang diedarkan oleh Jabatan Peguam Negara melalui surat bil. PN(ADV)188 Jld.5 bertarikh 24 Jun 2008.

Kaedah Pelaksanaan *Integrity Pact*

Peringkat Pertama – Semasa penghantaran dokumen tawaran oleh petender/penyebut harga

3. Kesemua petender/penyebut harga yang menghantar dokumen tender/sebut harga hendaklah menandatangani **Surat Akuan Pembida** bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah juga melampirkan **Surat Perwakilan Kuasa** menandatangani bagi pihak syarikat. Format Surat Akuan Pembida adalah seperti di **Lampiran A1**. Agensi hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama dokumen tawaran petender/penyebut harga.

Peringkat Kedua – Semasa mengembalikan Surat Setuju Terima oleh petender/penyebut harga berjaya

4. Petender/penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani **Surat Akuan Pembida Berjaya** bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya hendaklah juga melampirkan **Surat Perwakilan Kuasa** menandatangani bagi pihak syarikat. Format Surat Akuan Pembida Berjaya adalah seperti di **Lampiran A2**. Agensi hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida Berjaya juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama Surat Setuju Terima.

Peringkat Ketiga – Menandatangani perjanjian berkaitan perolehan Kerajaan yang mengandungi Klausu Pencegahan Rasuah Dalam Perolehan Kerajaan

5. Agensi Kerajaan hendaklah memastikan teks perjanjian berkaitan perolehan Kerajaan yang hendak ditandatangani dengan pembida mengandungi Klausu Pencegahan Rasuah Dalam Perolehan Kerajaan seperti yang diedarkan oleh Jabatan Peguam Negara melalui surat edaran bil. PN(ADV)188 Jld.5 bertarikh 24 Jun 2008. Agensi hendaklah memberi penekanan kepada pembida mengenai tindakan yang boleh diambil sekiranya berlaku sebarang pelanggaran ke atas klausu tersebut.

Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya

1 April 2010

(SAP bertarikh 1 April 2010)

SURAT AKUAN PEMBIDA

Tajuk:.....

.....

Nombor Sebut Harga/Tender:

Saya, nombor K.P. yang mewakili nombor Pendaftaran dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga * seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender atau sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
 Nama :
 No K.P. :
 Cop Syarikat :

Catatan : * Potang mana yang tidak berkaitan.

(SAP bertarikh 1 April 2010)

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

Tajuk:.....

Nombor Sebut Harga/Tender:.....

Saya, nombor K.P. yang mewakili nombor Pendaftaran dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebut harga * seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
 Nama :
 No K.P. :
 Cop Syarikat :

Catatan : * Potang mana yang tidak berkaitan.



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
(Ministry of Finance Malaysia)
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN,
NO. 5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62592 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8882 3000
Cable : TREASURY, KL
Telex : FEDTRY MA 32369
Fax : 03-8882 4352
Web : <http://www.treasury.gov.my>

S/K.KEW/PK/PP/1100/000000/
10/31 Jld.26 SK.7(3)

28 Februari 2009

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan
Semua Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Kerajaan

Y. Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH RALAM DOKUMEN PEROLEHAN KERAJAAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) yang bermesyuarat pada 22 September 2008 telah bersetuju supaya peringatan mengenai kesalahan rasuah dimasukkan dalam dokumen perolehan Kerajaan selaras dengan usaha Kerajaan untuk mencegah dan membendung perlakuan rasuah dalam perolehan Kerajaan yang diuruskan oleh agensi.

3. Sehubungan itu, semua pihak yang terlibat dalam perolehan Kerajaan sama ada syarikat/kontraktor/firma perunding/penjawat awam atau mana-mana pihak yang berkaitan perlu diingatkan mengenai kesalahan rasuah. Oleh yang demikian, agensi dikehendaki memasukkan peringatan mengenai kesalahan rasuah dalam dokumen perolehan Kerajaan sama ada di peringkat penyediaan dokumen pelawaan tender/sebut harga/eBidding, yang mana berkenaan seperti berikut:

- (i) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

Any act or attempt to corruptly offer or give, solicit or receive any gratification to and from any person in connection with this procurement is a criminal offence under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (Act 694).

- (ii) Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

(Sila nyatakan rujukan Bahagian ini apabila berhubung)